

11 DEC 2000
YPEIM-Kempen
YPEIM PERHEBAT KEMPEN AMAL JARIAH

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) akan mengiatkan usaha meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat mengenai pentingnya beramal jariah di kalangan masyarakat Islam.

Ketua Pengarah YPEIM Haji Abdul Malek Awang Kechil berkata YPEIM juga akan terus berusaha menyediakan infrastruktur dan mekanisme bagi membolehkan orang ramai menyalurkan sumbangan amal jariah dengan mudah.

Antara usaha yang dilakukan adalah penyebaran risalah dan poster, ceramah, forum dan seminar secara berterusan dengan kerjasama institusi yang mempunyai kemudahan untuk bertemu dengan masyarakat umum.

"Selain daripada skim-skim amal jariah yang sedia ada, YPEIM juga sedang dalam proses membangun dan mengadakan beberapa perkara lain yang berkaitan dengan amal jariah ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan promosi Kempen Sebulan Beramal Jariah bersama Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) di Plaza Tol Sungai Besi di sini hari ini.

Kempen Sebulan Beramal Jariah YPEIM peringkat nasional dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1 Dis lepas.

Turut dilancarkan pada masa itu ialah tiga produk baru iaitu Skim E-Jariah, Skim Tele-Jariah dan Skim Auto-Jariah yang dilaksanakan menerusi pendekatan teknologi maklumat dan multimedia serta dua skim utama yang sedia ada iaitu Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang.

Mengenai sambutan kempen Sebulan Beramal Jariah, beliau berkatadaripada maklumbalas setakat ini, sambutan yang diterima amat baik.

"Selain daripada panggilan bagaimana hendak salur sumbangan, ada juga yang datang sendiri ke pejabat untuk mengetahui dengan lebih lanjut," katanya.

Beliau berkata sasaran YPEIM bagi mengumpul dana menerusi ketiga-tiga skim beramal jariah yang menggunakan teknologi terkini ialah kira-kira 10 peratus daripada sejumlah 40 peratus umat Islam yang mempunyai kad kredit, menjadi pelanggan Telekom Malaysia dan penyimpan di institusi perbankan.

Abdul Malek berkata sejak kempen itu dilancarkan, YPEIM turut menerima sumbangan daripada orang bukan Islam.

"Walaupun peratusannya kecil tetapi ia satu perkembangan yang bagus. Soal kebajikan adalah sesuatu yang di luar batasan, kemungkinan apa YPEIM sediakan mudah dan memberi faedah, ini menarik mereka (orang bukan Islam) untuk turut beri sumbangan beramal jariah," katanya.

Bagi Kempen Sebulan Beramal Jariah bersama PLUS, Abdul Malek berkata pada peringkat awal ini sebanyak 10,000 risalah dan poster telah dicetak untuk diedarkan kepada para pengguna lebuhraya PLUS menerusi rangkaian plaza-plaza tol syarikat itu di seluruh negara.

-- BERNAMA
HS ZS LAT